

FSMP anjur Hari Terbuka

UB 25 April 2019 B2

► Tingkatkan kesedaran awam mengenai kesihatan sempena program World Health Day



Dari Kampus

KOTA KINABALU: Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) mengadakan Hari Terbuka buat julung-julung kalinya pada 6 April lalu.

Hari Terbuka FSMP yang diadakan bersempena World Health Day dianjurkan oleh Exco Hubungan Luar dan Diplomatik PMFSMP.

Program itu diharapkan dapat meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kesihatan, terutamanya dalam aspek pemakanan sehari-hari dimana ia memberi pendedahan dan informasi pemakanan yang sihat dan seimbang dengan konsep suku-suku separuh serta pemakanan mengikut Malaysia Dietary Guidelines 2010.

Banyak yang disampaikan melalui program itu di mana terdapat empat booth yang

Selain itu, program juga bertujuan menarik lebih ramai pelajar yang bakal melangkah ke alam ijazah sarjana muda untuk melanjutkan pelajaran di UMS terutamanya bagi lepasan SPM, asasi dan yang setaraf dengannya pada masa akan datang.

Program yang dijalankan selama hampir satu hari itu mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Ia kerana, banyak pengunjung yang datang ke FSMP untuk mengenali fakulti FSMP terutamanya dari kalangan pelajar UMS.

Tidak lupa juga, beberapa dif kehormat dijemput antaranya Dr Lee Jau Shya, mewakili Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan Dr Ramlah George, Ketua Program Pemakanan HS05 Dk Rafidzah, Ketua Program Perkhidmatan Makanan dan Budaya Makanan HG09 dan YDP PMFSMP Mahirah. Program dirasmikan oleh Lee.

Booth permainan mini itu dijalankan untuk menguji kecekapan, daya ingatan serta daya sentuhan pengunjung selain memeriahkan dan menghiburkan pengunjung.

mewakili setiap program di FSMP untuk memberi keterangan lanjut mengenai perkara yang dipelajari oleh penuntut fakulti itu, sekali gus menarik perhatian pelajar yang belum lagi melangkah ke alam pengajian ijazah sarjana muda.

Hari Terbuka FSMP bermula seawal jam 9 pagi dan dimulakan dengan aktiviti senamrobik yang dikendalikan oleh Kelab Esemtra.


Program berkenaan berjalan dengan lancar di mana selain terdapat empat booth yang mewakili setiap program di FSMP, terdapat juga empat booth kecil yang menjalankan permainan mini.

Pengunjung yang ingin mencuba permainan perlu melengkapkan tiga daripada empat permainan berkenaan dan berpeluang memenangi hadiah kecil.

Aktiviti menderma darah juga diadakan dan dijalankan di Bilik Tutorial 2.

Aktiviti berkenaan dijalankan bagi membantu pesakit yang memerlukan serta memberi peluang kepada para pengunjung untuk beramal sambil memperoleh manfaat di Hari Terbuka FSMP.

Terdapat juga beberapa vendor makanan yang disediakan buat pengunjung.



PAMERAN makanan tradisional Sabah oleh DPlace Kinabalu.

Pada hari terbuka itu, terdapat sebuah booth pameran makanan tradisional balas yang baik seperti aktiviti dan persembahan yang menghiburkan, info yang bermanfaat serta pameran yang menarik.

Selain memperkenalkan, mereka juga memberi peluang kepada para pengunjung untuk mencuba makanan tradisional Sabah secara percuma. Terdapat juga persembahan dijalankan sebagai hiburan buat para pengunjung.



ANTARA booth yang mewakili setiap program di FSMP.

Persembahan berkenaan bertemakan Tradisional Malaysia di mana pada hari berkenaan terdapat persembahan tarian tradisional dan persembahan alat muzik tradisional.

Pengunjung yang hadir pada Hari Terbuka FSMP banyak memberikan maklum balas yang baik seperti aktiviti dan persembahan yang menghiburkan, info yang bermanfaat serta pameran yang lebih cekap.

Exco Hubungan Luar dan Diplomatik PMFSMP selaku pengajur berharap warga FSMP dapat meneruskan program seperti itu bagi membuka mata orang awam akan kepentingan gaya hidup yang sihat terutamanya dari segi pemakanan selain dapat memperkenalkan FSMP UMS kepada orang luar.

makanan yang lebih sihat dan sebagainya.

Dif-dif kehormat juga memberikan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan taraf Hari Terbuka FSMP pada masa akan datang seperti info yang lebih tepat, padat dan ringkas serta pengurusan yang lebih cekap.